



Untuk Terbitan Media

14 Mac 2024

## SIARAN MEDIA

### HARI WANITA KESUMA JULANG DAN PERKASA PERANAN WANITA MELALUI INISIATIF SKIM CARUMAN SKIM KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH (SKSSR)

#### ALERT:

- KERJASAMA KESUMA DAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KELUARGA, WANITA DAN MASYARAKAT MELALUI YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA GALAK CARUMAN SKSSR
- SERAMAI 12,500 WARGA KESUMA TERMASUK JABATAN DAN AGENSI AKAN DICARUM DENGAN JUMLAH RM1.5 JUTA

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) mengumumkan seramai 12,500 wanita di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) termasuk kesemua jabatan dan agensi akan mendapat caruman SKSSR ini secara percuma. Jumlah ini turut melibatkan kakitangan lelaki yang mencarum bagi isteri mereka sebagai manifestasi kasih sayang serta penghargaan.

Menteri Sumber Manusia, YB Steven Sim Chee Keong berkata “Cetusan idea ini adalah langkah awal KESUMA dan berharap ianya menjadi contoh bagaimana kita menghargai wanita terutamanya kepada golongan wanita yang berkerja sebagai suri rumah kerana mereka ini juga tergolong dalam ekonomi penjagaan (care economy) yang turut sama menyumbang kepada pembangunan negara. Ini adalah satu penghargaan daripada pihak Kementerian Sumber Manusia bersempena sambutan Hari Wanita diperingkat KESUMA,” jelas beliau.

Steven Sim juga berkata pihak KESUMA sedang meneliti dan memperhalusi pindaan had umur kelayakan SKSSR daripada 55 tahun ke 60 tahun. Ini membolehkan 720,600 lagi golongan wanita yang akan layak mencarum dalam SKSSR. Sepanjang tempoh 2023, seramai 205,000 wanita telah berjaya mencarum selepas ianya diperkenalkan pada 2022. Bagi tahun 2024 pula, sasaran PERKESO adalah sebanyak 500,000 wanita.

Dalam majlis yang sama, Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman Program Kerjasama bagi SKSSR bersama Yayasan Kebajikan Negara Malaysia (YKNM). Memorandum ini juga bertujuan untuk memberi galakan kepada caruman SKSSR selain membantu ramai lagi golongan wanita dilindungi di bawah caruman skim ini. Pihak yang menaja atau mencarum skim ini melalui YKNM juga layak mendapat pengecualian cukai di bawah peruntukan Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Ini merupakan salah satu inisiatif KESUMA di bawah PERKESO dalam menghargai dan memperkasa peranan wanita dengan menyediakan perlindungan keselamatan sosial negara di bawah Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 iaitu memfokuskan kepada suri rumah dan Akta Keselamatan Sistem Insurans Pekerjaan 2017 iaitu golongan pencari kerja khususnya wanita bersempena dengan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa yang disambut pada setiap 8 Mac setiap tahun.

Sebagai permulaan terhadap MOU ini, 10 syarikat swasta telah mengambil bahagian dalam inisiatif dengan menaja caruman SKSSR bagi golongan wanita B40 eKasih. Syarikat yang terlibat adalah Tropicana Corporation Berhad, Malayan Banking Berhad, Berjaya Corporation Berhad, Merchantrade Sdn Bhd, CIMB Bank, Mesiniaga Berhad, Sime Darby Property, Lembaga Tabung Haji, Cagamas Berhad dan Jakel Group. Sumbangan ini telah memanfaatkan 4,864 wanita dari golongan B40 eKasih berjumlah RM558,360.

“Ini adalah bukti sokongan pihak swasta terhadap kepentingan mencarum SKSSR selain menghargai golongan wanita terutama mereka dikalangan B40,” ujar Dato’ Sri Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ketika beliau menyampaikan ucapan perasmian pada majlis tersebut.

SKSSR ini menyediakan tiga perlindungan utama, iaitu bencana domestik, keilatan dan kematian dengan premium perlindungan serendah RM10 sebulan atau RM120 setahun.

PERKESO turut menganjurkan Karnival Kerjaya Wanita MYFutureJobs PERKESO 2024 - Tiada Yang Terpinggir bertepatan dengan tema Hari Wanita tahun ini 'Wanita Dijulang, Negara Gemilang', bagi menghargai peranan kaum wanita dalam pembangunan ekonomi negara serta membantu meningkatkan pendapatan isi rumah. Keistimewaan karnival kali ini adalah penyediaan peluang pekerjaan waktu bekerja yang fleksibel dengan gaji yang berpatutan akan ditawarkan. Peluang ini akan membuka ruang kepada golongan wanita untuk mendapat keseimbangan kerja dan tugasan rumah.

Sebanyak 10,000 peluang pekerjaan yang ditawarkan di Karnival Kerjaya PERKESO kali ini serta membabitkan 50 majikan daripada pelbagai industri. Antara majikan yang terlibat dalam karnival kali ini adalah HSBC Bank, UOA Group, RHB Banking Group, Co-Opbank Pertama, DHL dan Habib Group. Selain itu, karnival ini juga memberi perkhidmatan lain seperti penyediaan resume, pendaftaran portal MYFutureJobs serta dan kaunseling kerjaya oleh PERKESO. Orang ramai yang hadir juga akan menikmati pelbagai aktiviti lain seperti taklimat dan promosi SKSSR, pemeriksaan kesihatan percuma, pameran daripada pelbagai agensi kerajaan termasuk penyedia latihan. 200 pengunjung terawal akan mendapat e-wallet Touch 'n' Go secara percuma yang bernilai RM10.00

Tamat

###

#### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*leaves no one behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

#### **Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**14 Mac 2024**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Mohd Wazid Zaidon**

**+6017-619 3181**

**[wazid.zaidon@perkeso.gov.my](mailto:wazid.zaidon@perkeso.gov.my)**